



TARIKH /  
HARI

11/1/2024 Khamis

AKHBAR /  
MUKA SURAT

# Kembar lali jadi penghuni PPS setiap kali musim banjir



Anggota APM meninjau keadaan Rohana dan Rohani di PPS SK Wakaf Raja, Pasir Puteh, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

**Pasir Puteh:** Sepasang kembar dari Kampung Tasek Tok Kundur, di sini, ibarat sudah lali menghuni pusat pemindahan sementara (PPS) kerana setiap tahun terpaksa berpindah disebabkan banjir sejak 18 tahun lalu.

Rohana Sukri, 41, bersama pasangan kembarnya, Rohani, antara 28 mangsa banjir membabitkan enam keluarga yang kini berlindung di Sekolah Kebangsaan (SK) Wakaf Raja, di sini, sehingga semalam.

Namun, kali ini, keadaan sedikit mencabar buat Rohana kerana dia baru sahaja selesai menjalani pembedahan disebabkan mengandung di luar rahim.

Ketika ditemui, Rohana berkata, dia ke Hospital Besar Jerteh Ahad lalu selepas sakit perut sebelum kemudian disahkan mengandungkan kembar di luar rahim dan dirujuk ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Ku-

bang Kerian.

Katanya, dia menjalani pembedahan mencuci kandungan yang baru berusia lima minggu itu pada Isnin lalu, sebelum dibenarkan pulang ke rumah petang kelmarin.

“Sebaik pulang, saya terkejut ‘disambut’ air banjir hampir tiga meter dan terpaksa dibawa masuk ke rumah menggunakan bot.

“Selepas melihat keadaan air tak surut, saya dan keluarga berpindah ke PPS jam 10 malam tadi,” katanya memaklumkan kali terakhir berpindah ke PPS ketika rumahnya dinaiki banjir November lalu.

## Berdanum banjir semula

Bercerita mengenai banjir kali ini, katanya, air terlalu laju menyebabkan dia dan suami, Zuki Mat Hashim, 49, bersama enam anak, termasuk seorang berstatus orang kurang upaya

(OKU) terpaksa meninggalkan kediaman.

PPS di SK Wakaf Raja adalah yang kedua dibuka selepas SK Changgai susulan banjir gelombang keempat yang melanda di daerah ini.

Sementara itu, Rohani berkata, setiap tahun dia dan empat anaknya berpindah ke PPS kerana kawasan tempat tinggalnya berdekatan Sungai Tasek Tok Kundur yang turut mengairi hujan dari Terengganu.

“Setiap kali banjir, kawasan kediaman kami ambil masa seminggu sehingga sebulan untuk kembali pulih. Kalau boleh saya nak minta kerajaan negeri melihat keadaan di kawasan kami dan berikan bantuan.

“Kami sudah tiada tempat lain nak tinggal sebab ini rumah nenek moyang kami, biasanya kami lah orang pertama kena banjir,” katanya yang juga ibu tunggal.